




KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT



LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA



LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN
KELUARGA NEGARA (LPPKN)



LAPORAN INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA MALAYSIA 2019

LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN
KELUARGA NEGARA (LPPKN)

©Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), 2020 Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara sama ada elektronik, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin daripada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia
Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan LPPKN
Laporan Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2019
ISBN 978-967-2079-13-2



LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA

Diterbitkan oleh:

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
12B, Bangunan LPPKN, Jalan Raja Laut,
Peti Surat 10416, 50712 Kuala Lumpur.

Telefon : +603-2613 7555
Fax : +603-2693 7250
Laman Sesawang : www.lppkn.gov.my
Emel : penduduk@lppkn.gov.my
Facebook : Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
Twitter : twitter.com/LPPKN

KANDUNGAN

PRAKATA	02
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	02
Ketua Setiausaha KPWKM	03
Ketua Pengarah LPPKN	04
PENGHARGAAN	05
KUMPULAN PENYELIDIK	06
RINGKASAN EKSEKUTIF	07
PENGENALAN	09
Latar Belakang	09
Kesejahteraan Keluarga	09
Perkembangan Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia	10
Domain dan Indikator Kesejahteraan Keluarga	13
METODOLOGI	17
Reka Bentuk Kajian	17
Rangka Pensampelan	17
Reka Bentuk Pensampelan dan Saiz Sampel	17
Skop Kajian	17
Instrumen	17
Pengumpulan Data	18
Pengiraan Indeks	18
Kategori Skor Indeks, Domain dan Indikator	18
INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA MALAYSIA 2019	19
Skor Indeks, Domain dan Indikator	21
Skor Indeks, Domain dan Indikator Mengikut Ciri-ciri Demografi	24
SKOR IKK 2019 MENGIKUT NEGERI	32
PERBANDINGAN SKOR IKK 2016 & IKK 2019	64
Perbandingan Skor Keseluruhan Indeks, Domain dan Indikator	64
Perbandingan Skor Mengikut Negeri	65
CABARAN KELUARGA	68
KESIMPULAN	70
CADANGAN	71
RUJUKAN	73
LAMPIRAN	74
Lampiran 1: Taburan Tempat Kediaman yang Terlibat	74
Lampiran 2: Senarai Domain, Indikator dan Item IKK 2019	75

PRAKATA

MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Kesejahteraan institusi keluarga merupakan antara agenda utama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) ke arah mencapai visi sebagai peneraju utama dalam mencapai kesaksamaan gender, pembangunan keluarga dan masyarakat penyayang dan sejahtera sebagai asas pembentukan sebuah negara maju yang terbilang.

Pernantauan tahap kesejahteraan keluarga secara berkala melalui pelaksanaan Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) adalah komitmen berterusan kerajaan dalam memastikan institusi keluarga dapat terus menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara.

Adalah diharapkan hasil Kajian IKK 2019 ini akan dapat menjadi rujukan penting kepada semua pihak dalam merangka dan membangunkan dasar, program dan perkhidmatan khususnya berkaitan pengukuhan dan peningkatan kesejahteraan keluarga di negara ini.



YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

PRAKATA

KETUA SETIAUSAHA KPWKM

Keluarga yang sejahtera melahirkan modal insan dan generasi masa depan negara. Dasar Keluarga Negara menetapkan matlamat untuk membangunkan keluarga yang sejahtera, sihat dan resilien untuk memastikan kestabilan sosial. Menyedari hakikat ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah memperkenalkan Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) pada tahun 2011 untuk mengukur tahap kesejahteraan keluarga di Malaysia. Maklumat yang dihasilkan oleh kajian ini digunakan dalam proses pembentukan polisi, perancangan dan pelaksanaan program-program intervensi bagi mengukuhkan institusi kekeluargaan.

Usaha untuk memahami dengan lebih jelas berkenaan kesejahteraan keluarga membantu kementerian merealisasikan visi KPWKM bagi mencapai pembangunan keluarga dan masyarakat penyayang dan sejahtera, di samping menyokong perancangan Kerajaan melalui Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dan Matlamat Pembangunan Lestari 2030 (*2030 Sustainable Development Goals*).

Tanggungjawab untuk mensejahterakan keluarga di Malaysia perlu disokong oleh pelbagai pihak termasuk kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan serta masyarakat sendiri. Tindakan dan langkah yang bersesuaian ke atas domain dan indikator dalam IKK 2019 perlu direncana dengan baik agar pencapaian indeks dapat dipertingkatkan pada masa hadapan seperti yang digariskan dalam RMKe-11 yang mensasarkan skor Indeks



Kesejahteraan Keluarga mencapai 8.0 daripada skala maksimum 10.

Justeru, penemuan Kajian IKK 2019 yang terbaru ini diharap dapat dijadikan rujukan dan mampu memberi manfaat kepada pihak berkaitan. Peranan dan sokongan oleh semua pihak termasuk agensi kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan, masyarakat serta keluarga perlu dipergiat dan diperkuatkan lagi dalam merencana program dan inisiatif kekeluargaan untuk mencapai tahap kesejahteraan keluarga yang lebih baik pada masa hadapan.

**DATO' DR. JUNAIDEH KAMARRUDDIN
KETUA SETIAUSAHA**
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

PRAKATA

KETUA PENGARAH LPPKN

Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) telah dilaksanakan buat pertama kalinya oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) pada tahun 2011. Pembentukan IKK 2011 merupakan kayu pengukur kepada tahap kesejahteraan keluarga di Malaysia yang mengambil kira tujuh domain utama iaitu hubungan kekeluargaan, ekonomi keluarga, kesihatan keluarga, keselamatan keluarga, keluarga dan komuniti, keluarga dan agama/kerohanian serta perumahan dan persekitaran. IKK 2011 menjadi asas pembentukan siri kedua kajian iaitu IKK 2016 yang merangkumi domain- domain yang sama dengan tambahan domain keluarga dan teknologi komunikasi.

Bagi meneruskan pemantauan tahap kesejahteraan keluarga Malaysia, LPPKN telah melaksanakan siri ketiga Kajian IKK pada tahun 2019. Secara keseluruhan, skor IKK 2019 berada pada tahap sederhana iaitu 7.72 daripada skala maksimum 10. Skor IKK 2019 telah menunjukkan peningkatan berbanding skor IKK 2016.

IKK 2019 mengekalkan kesemua lapan domain yang digunakan semasa IKK 2016 dengan menambah baik beberapa item dalam domain-domain tertentu. Terdapat tiga domain yang mencatatkan skor melebihi 8.0 iaitu iaitu Domain Hubungan Kekeluargaan, Domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian, dan Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti. IKK 2019 merekodkan tiga domain mencapai skor melebihi 8.0 berbanding hanya satu domain semasa IKK 2016.



Hasil IKK menjadi input dan rujukan penting kepada para penggubal dasar, perancang dan pengurus program dalam merangka pelan pembangunan dan program intervensi sosial yang berteraskan kekeluargaan, bertepatan dengan salah satu teras strategik Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) iaitu memperkuuhkan inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama.

**ABDUL SHUKUR ABDULLAH
KETUA PENGARAH**
Lembaga Penduduk dan Pembangunan
Keluarga Negara.

PENGHARGAAN

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian, agensi serta jabatan yang terlibat dalam melaksanakan Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga 2019. Penghargaan ini ditujukan kepada semua yang terlibat seperti berikut:

AHLI JAWATANKUASA TEKNIKAL KAJIAN

- Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
- Kementerian Kesihatan Malaysia
- Kementerian Dalam Negeri
- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Kementerian Pembangunan Luar Bandar
- Kementerian Pelajaran
- Kementerian Pengangkutan
- Kementerian Komunikasi dan Multimedia
- Kementerian Sumber Manusia
- Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
- Kementerian Tenaga, Teknologi Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar
- Jabatan Perangkaan Malaysia
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
- Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia
- Universiti Malaya
- Universiti Kebangsaan Malaysia
- Universiti Teknologi MARA Shah Alam
- Federation of Reproductive Health Associations Malaysia
- Focus on the Family
- Bahagian Perancangan Strategik, LPPKN
- Bahagian Kesejahteraan Keluarga, LPPKN

AHLI JEMPUTAN

- Institut Sosial Malaysia
- Agensi Antidadah Kebangsaan
- Universiti Putra Malaysia
- Sunway University
- Institut Kefahaman Islam Malaysia
- Pertubuhan IKRAM Malaysia
- Yayasan Generasi Gemilang
- Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism, Sikhism and Taoism
- Bahagian Reproduksi Manusia, LPPKN
- LPPKN Negeri Selangor
- LPPKN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Serta kepada individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan IKK 2019. Semoga IKK 2019 menjadi rujukan kepada semua pihak dalam merencana program pembangunan keluarga bagi meningkatkan kesejahteraan keluarga ke tahap yang lebih baik.

KUMPULAN PENYELIDIK



PENASIHAT

ABDUL SHUKUR ABDULLAH
Ketua Pengarah, LPPKN



PENGARAH PROJEK

HAIRIL FADZLY MD. AKIR
Timbalan Ketua Pengarah
(Dasar), LPPKN



KETUA PROJEK

ADZMEL MAHMUD
Pengarah, Bahagian
Penyelidikan
Kependudukan dan
Keluarga, LPPKN



PENYELIDIK LPPKN



Noor Azlin Muhammad Sapri
Nur Airena Aireen Azman
Ahmad Rasyidee Abdul Razak
Massita Mohamad
Syafina Muda
Khairul Faqri Kamalul Razib



Irwan Nadzif Mahpul
Ismahalil Ishak
Azlan Aziz
Rosdiana Abdul Hamid
Nur Hidayahbillah Muhammad Ghani



URUS SETIA

Bahagian Penyelidikan Kependudukan dan Keluarga, LPPKN

RINGKASAN EKSEKUTIF

INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA MALAYSIA (IKK)

Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) merupakan satu penanda aras pelbagai dimensi yang dibangunkan khas untuk mengukur tahap kesejahteraan keluarga di Malaysia. Indeks ini dijana melalui penilaian ibu atau bapa terhadap kesejahteraan keluarga mereka. IKK Malaysia telah diperkenalkan pada 2011 dengan nilai skor sebanyak 7.55 daripada skala maksimum 10. Bagi memastikan IKK terus relevan, domain dan indikator yang digunakan telah disemak dan kemaskini agar seiring dengan perkembangan semasa. Oleh itu, IKK siri kedua telah diadakan pada 2016. Skor Indeks Kesejahteraan Keluarga 2016 (IKK 2016) yang diperoleh adalah 7.33 daripada skala maksimum 10.

Bagi meneruskan pemantauan terhadap tahap kesejahteraan keluarga di Malaysia, IKK 2019 yang merupakan siri ketiga telah dilaksanakan. IKK 2019 ini dilaksanakan untuk memenuhi keperluan *National Outcome* yang telah ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) iaitu mencapai skor 8.0 daripada skala maksimum 10.

Pengumpulan maklumat bagi penjanaan indeks telah menggunakan pendekatan tinjauan keratan rentas. Kaedah pensampelan yang telah digunakan ialah pensampelan berstrata dua peringkat. Senarai sampel yang digunakan dalam kajian ini telah diperoleh dari Jabatan Perangkaan Malaysia. Responden kajian ini terdiri daripada ibu atau bapa warganegara Malaysia yang mempunyai anak berumur antara 3 hingga 24 tahun. Sebanyak 5,005 orang responden telah berjaya ditemui bual.


IKK 2019 menggunakan skor 10 sebagai skala maksimum di mana semakin tinggi nilai skor yang diperoleh, menunjukkan tahap kesejahteraan keluarga yang lebih baik. Dalam kajian ini, tahap kesejahteraan keluarga dikategorikan kepada tiga iaitu rendah (skor 0-4), sederhana (skor 5-7) dan tinggi (skor 8-10).

SKOR INDIKATOR/ DOMAIN/INDEKS	KATEGORI
0-4	Rendah
5-7	Sederhana
8-10	Tinggi

TAHAP KESEJAHTERAAN KELUARGA MALAYSIA SEMAKIN MENINGKAT

Skor Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2019 yang dicatatkan dalam kajian ini ialah 7.72 daripada skala maksimum 10. Daripada lapan domain yang telah dikenal pasti, Domain Hubungan Kekeluargaan mencatatkan skor domain yang tertinggi iaitu 8.35. Ini diikuti

oleh Domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian (8.25), Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti (8.00), Domain Keselamatan Keluarga (7.86), Domain Ekonomi Keluarga (7.67), Domain Kesihatan Keluarga (7.44), Domain Perumahan dan Persekutaran (7.35) dan Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi (6.82). Walaupun skor IKK 2019 masih berada di tahap sederhana namun ia telah menunjukkan peningkatan sebanyak 0.39 mata berbanding 7.33 bagi IKK 2016.



Kajian ini juga mendapati bahawa skor IKK 2019 semakin meningkat mengikut kumpulan pendapatan isi rumah. Skor IKK 2019 adalah lebih tinggi dalam keluarga yang tinggal di luar bandar. Dari segi jenis keluarga, skor IKK 2019 adalah lebih tinggi dalam kumpulan keluarga

asas dan keluarga gabungan. Skor IKK 2019 mengikut negeri pula menunjukkan Wilayah Persekutuan Putrajaya mencatatkan skor tertinggi dan negeri Perak mencatatkan skor terendah.

PENGENALAN

LATAR BELAKANG

Institusi keluarga adalah sebuah institusi penting dalam masyarakat Malaysia. Keluarga yang sejahtera akan melahirkan masyarakat yang juga sejahtera. Perkembangan ekonomi dan sosial yang pesat telah memberi kesan kepada kesejahteraan keluarga dari segi perhubungan keluarga, gaya hidup, keseimbangan kerja dan keluarga serta kos sara hidup.

Justeru, institusi keluarga perlu disejahtera dan diperkuuhkan dari masa ke masa supaya dapat terus menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara. Pembangunan ekonomi perlu diseimbangkan dengan pembangunan sosial yang baik meliputi aspek jasmani, emosi dan rohani bagi memastikan kesejahteraan keluarga di negara ini tidak terjejas. Keluarga yang sejahtera mampu melahirkan generasi atau modal insan yang berkualiti untuk pembangunan masa hadapan negara.

Pada masa kini, institusi keluarga berhadapan dengan pelbagai cabaran yang boleh menggugat kesejahteraan keluarga itu sendiri. Isu berkaitan keharmonian rumah tangga, keseimbangan antara kerja dan keluarga, pengurusan ekonomi keluarga, keadaan kesihatan ahli keluarga, tahap keselamatan keluarga, perhubungan keluarga dan komuniti, amalan kerohanian keluarga, persekitaran yang tenteram untuk keluarga serta pengaruh teknologi kepada keluarga sering menjadi faktor yang mempengaruhi kesejahteraan sesebuah keluarga.

Menyedari hakikat ini, KPWKM melalui LPPKN terus komited dalam pemantauan tahap kesejahteraan keluarga di Malaysia. Pemerksaan komuniti untuk membina masyarakat yang produktif dan sejahtera melalui pengukuhan institusi kekeluargaan telah jelas dinyatakan dalam dokumen Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dan dijadikan salah satu komitmen utama Kerajaan. Komitmen ini akan terus diperkuuhkan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

KESEJAHTERAAN KELUARGA

Kesejahteraan keluarga adalah sebuah konsep multidimensi yang mendokong pelbagai aspek kehidupan seseorang individu dan keluarga. LPPKN (2017) mendefinisikan kesejahteraan keluarga sebagai keadaan di mana keluarga yang berada dalam keadaan selamat, sihat, aman, selesa, harmoni dan memuaskan. Definisi ini juga menekankan aspek kepuasan dan keselesaan daripada segi kerohanian, ekonomi dan kewangan, mental, psikososial, kesihatan, politik dan kelestarian.

Kajian lepas turut menyatakan kesejahteraan keluarga adalah tunjang utama dalam mempengaruhi keperibadian seseorang individu (Cousins, 1989; Lee et al., 2012) selain menjadi asas utama dan tertua dalam pembentukan sesebuah masyarakat yang berkualiti (DeFrain and Asay 2007; Krys et al. 2019). Hubungan kekeluargaan termasuk sokongan sosial (kasih sayang dan nasihat-menasihati) dan ketegangan (kritikan, tuntutan berlebihan)

di antara ahli keluarga dilihat antara elemen yang mempengaruhi kesejahteraan fizikal, psikologi dan tingkah laku (Pearlin, 1999).

Kesejahteraan keluarga juga merupakan asas kestabilan perhubungan sosial dan emosi individu dalam keluarga. Selain daripada perhubungan sosial dan emosi, ia perlu disokong oleh faktor fizikal bagi melengkapkan keperluan asas individu dan keluarga. Kesejahteraan kanak-kanak dan remaja misalnya dibina berdasarkan keluarga yang sejahtera. Kesejahteraan keluarga dilihat sebagai sumber individu untuk membangunkan potensi diri, memperkasa kemahiran sosial, menjadi lebih kreatif, berdaya tahan dan sihat. Sebaliknya, kegagalan sesebuah keluarga mencapai kesejahteraan dilihat akan menjelaskan perkembangan psikososial kanak-kanak dan ahli keluarga yang lain. Kanak-kanak dan remaja yang terdedah dengan masalah keluarga seperti perceraian ibu bapa, konflik rumah tangga dan psikopatologi ibu bapa misalnya berkemungkinan berdepan dengan masalah kesihatan mental (Bakker, Ormel, Verhulst, & Oldehinkel, 2012). Oleh yang demikian, kesejahteraan keluarga bukan sahaja dilihat berdasarkan faktor dalam keluarga semata-mata malahan interaksi keluarga dengan persekitaran turut diambil kira.

PERKEMBANGAN INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA MALAYSIA

Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia (IKK) merupakan satu bentuk pengukuran yang dibangunkan untuk mengukur tahap kesejahteraan keluarga di negara ini. IKK mengukur tahap kesejahteraan sesebuah keluarga di Malaysia yang melibatkan segenap aspek pembangunan keluarga dan fungsinya dalam masyarakat. Penghasilan IKK telah melalui beberapa fasa utama bermula dengan mengenal pasti domain dan indikator serta

penentuan kaedah dan formula untuk menjana indeks yang diperlukan. Dinamika keluarga yang semakin pantas berubah turut menjadi cabaran utama kepada IKK supaya pengukuran yang digunakan mengambil kira keadaan semasa. Menyedari hakikat ini, domain dan indikator yang digunakan dikemaskini untuk setiap siri kajian. Kini, IKK telah berkembang dengan pelaksanaan beberapa siri kajian yang bermula daripada IKK 2011 kepada IKK 2016 hingga yang terkini IKK 2019.


Indeks Kesejahteraan Keluarga 2011 (IKK 2011)

IKK 2011 telah menjadi pencetus kepada perkembangan dan pelaksanaan pengukuran tahap kesejahteraan keluarga di Malaysia. Indeks ini memberikan gambaran tentang tahap kesejahteraan keluarga melalui domain-domain

terpilih khususnya berkaitan hal kekeluargaan. Tujuh domain telah dikenalpasti sebagai pengukuran utama untuk menentukan tahap kesejahteraan keluarga Malaysia iaitu Domain Hubungan Kekeluargaan, Domain Kesihatan Keluarga, Domain Ekonomi Keluarga, Domain Keluarga, Agama/Kerohanian, Domain Keselamatan Keluarga, Domain Keluarga dan Komuniti dan Domain Keluarga dan Persekutuan.

Skor indeks yang dicatatkan pada tahun 2011 ialah 7.55 daripada skala maksimum 10. Daripada tujuh domain yang terdapat di dalam IKK 2011, Domain Keluarga dan Agama/Kerohanian telah mencatatkan skor domain tertinggi (8.25), diikuti Domain Keluarga dan Komuniti (7.83), Domain Hubungan Kekeluargaan (7.82), Domain Keselamatan Keluarga (7.39), Domain Kesihatan Keluarga (7.38), Domain Keluarga dan Persekutuan (7.28), dan Domain Ekonomi Keluarga (6.90).





IKK 2011 yang dilaksanakan telah memberi satu jajaran baru kepada penyelidikan kekeluargaan di Malaysia. IKK 2011 telah dijadikan sebagai salah satu *outcome* dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), di bawah teras strategik memperkuuh inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama yang mensasarkan skor Indeks Kesejahteraan Keluarga mencapai 8.0 daripada skala maksimum 10 menjelang tahun 2020.

Indeks Kesejahteraan Keluarga 2016 (IKK 2016)




Pada tahun 2016, LPPKN telah melaksanakan Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK 2016). Dalam kajian ini, kesemua domain dan indikator yang telah digunakan pada IKK 2011 telah melalui proses semakan dan penilaian semula

untuk memastikan domain dan indikator tersebut masih lagi relevan dengan keadaan dan cabaran semasa keluarga. Beberapa siri bengkel dan pra uji telah dilaksanakan untuk tujuan ini. Hasil penilaian yang telah dilakukan telah menentukan IKK 2016 perlu ditambah dengan satu domain yang baru dan mengekalkan ketujuh-tujuh domain pengukuran yang telah digunakan pada tahun 2011. Domain yang telah ditambah bagi IKK 2016 ialah Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi.

Secara keseluruhannya, skor IKK 2016 berada pada tahap sederhana iaitu 7.33 daripada skala maksimum 10. Daripada lapan domain yang terdapat di dalam IKK 2016, Domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian mencatatkan skor domain tertinggi iaitu 8.04 dan dikategorikan dalam tahap tinggi. Ini diikuti oleh Domain Keselamatan Keluarga (7.96), Domain Hubungan Kekeluargaan (7.90), Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti (7.84), Domain Kesihatan Keluarga (7.18), Domain Ekonomi Keluarga (7.05), Domain

LAPORAN INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA MALAYSIA 2019



Keluarga dan Teknologi Komunikasi (6.38), dan Domain Perumahan dan Persekutaran (6.24). Kesemua nilai skor domain tersebut berada pada tahap sederhana.

Perbandingan di antara skor IKK 2016 dan IKK 2011 tidak dapat dilakukan kerana terdapat perubahan besar khususnya daripada segi pertambahan bilangan domain.

IKK 2016 telah dijadikan rujukan dalam pembangunan dan pelaksanaan program dan aktiviti di peringkat komuniti. Pada tahun 2016, LPPKN telah membangunkan Program *Family and Community Empowerment (FACE)* iaitu program untuk mensejahterakan keluarga dengan memperkasa keluarga dan komuniti. Antara matlamat FACE adalah untuk membina masyarakat yang produktif dan sejahtera, mengenal pasti keperluan setempat bagi merangka program intervensi yang bersesuaian untuk meningkatkan tahap kesejahteraan keluarga serta memperkasa mekanisme sosial dalam komuniti sedia ada untuk membentuk '*Family Champion*'. Instrumen IKK 2016 telah

digunakan untuk pemantauan kesejahteraan di 33 buah komuniti yang terlibat dengan program *FACE*.

Indeks Kesejahteraan Keluarga 2019 (IKK 2019)

Siri ketiga Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga telah diteruskan pada tahun 2019 sebagai usaha untuk meneruskan pemantauan terhadap tahap kesejahteraan keluarga di Malaysia. Bagi meneruskan kesinambungan terhadap pengukuran tahap kesejahteraan keluarga, domain dan indikator yang digunakan dalam IKK 2016 telah dijadikan sebagai rujukan utama. Justeru, objektif Kajian IKK 2019 adalah untuk:

- mengukur tahap kesejahteraan keluarga berdasarkan set indikator yang telah ditambah baik;
- menghasilkan Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2019; dan
- mengemukakan cadangan program dan inisiatif pengukuran kesejahteraan keluarga.

DOMAIN DAN INDIKATOR KESEJAHTERAAN KELUARGA



DOMAIN

HUBUNGAN KEKELUARGAAN



INDIKATOR PENGLIBATAN IBU BAPA

Penyertaan ibu bapa dan anak-anak secara bersama dalam aktiviti harian, disiplin dan mengajar sikap bertanggungjawab serta pujian dan kasih sayang.



INDIKATOR PERHUBUNGAN RAPAT

Hubungan emosi, kepercayaan dan empati antara ahli keluarga.



INDIKATOR KUALITI MASA BERSAMA KELUARGA

Masa yang diluangkan oleh ibu bapa dalam melakukan aktiviti yang disukai anak-anak dan aktiviti riadah serta masa yang digunakan anak-anak untuk berkongsi cerita dengan ibu bapa.



INDIKATOR KEFUNGSIAN KELUARGA

Keupayaan keluarga untuk berinteraksi, berkomunikasi, membuat keputusan, menyelesaikan masalah dan mengekalkan hubungan antara satu sama lain.



INDIKATOR IMBANGAN KERJA-KELUARGA

Keseimbangan masa dan persepsi positif individu ke atas perhubungan antara kerjaya dan peranan keluarga yang mana perhubungan tersebut dilihat sebagai seimbang dan setara antara satu sama lain.



INDIKATOR DAYA TINDAK KELUARGA

Keupayaan individu dan keluarga untuk mengendalikan masalah atau tekanan dengan baik.



INDIKATOR DAYA TAHAN KELUARGA

Keupayaan keluarga untuk berdepan dengan tekanan dan kesukaran serta mengatasi tekanan dan kesukaran tersebut.



**DOMAIN
EKONOMI
KELUARGA**



**INDIKATOR
KESEJAHTERAAN
KEWANGAN**

Penilaian keadaan kewangan keluarga dalam memenuhi kesejahteraan kewangan semasa dan menyelesaikan komitmen kewangan yang sedia ada.



**INDIKATOR
PENGURUSAN
KEWANGAN**

Penilaian cara pengurusan sumber kewangan untuk mencapai matlamat kewangan keluarga.



**DOMAIN
KESIHATAN
KELUARGA**



**INDIKATOR
AMALAN KESIHATAN
KELUARGA**

Gaya hidup yang sihat termasuklah aktiviti bersenam, hidangan makanan harian yang seimbang, tidak merokok, tidak terlibat dalam penyalahgunaan bahan dan tiada masalah penyakit kronik dalam keluarga.



**INDIKATOR
KESIHATAN UMUM**

Keadaan kesejahteraan fizikal, mental dan sosial keluarga secara menyeluruh.



**DOMAIN
KESELAMATAN
KELUARGA**




**INDIKATOR
KESELAMATAN KELUARGA**

Tahap kepekaan dan kesedaran individu terhadap keselamatan keluarga serta yakin selamat berada di persekitaran kediaman.



**INDIKATOR
PENGETAHUAN
KECEMASAN**

Kesedaran dan pemahaman berkaitan kemahiran dan langkah keselamatan ketika kecemasan.



DOMAIN

KELUARGA DAN KETERLIBATAN KOMUNITI



INDIKATOR KERJASAMA DALAM KOMUNITI

Hubungan sosial yang wujud daripada keperluan untuk membangunkan jalinan keluarga dengan komuniti.



INDIKATOR HUBUNGAN DALAM KOMUNITI

Hubungan baik dengan jiran tetangga, menziarahi jiran tetangga dan menyayangi komuniti.



DOMAIN

KELUARGA, PERANAN AGAMA DAN AMALAN KEROHANIAN



INDIKATOR PERANAN AGAMA

Kesan peranan agama terhadap individu. Diukur melalui peranannya sebagai asas kesejahteraan keluarga dan kefahaman terhadap kehidupan.



INDIKATOR AMALAN KEROHANIAN

Pemantapan rohani dalam kehidupan. Diukur melalui pelbagai amalan kerohanian mengikut kepercayaan dan pegangan agama.



DOMAIN

PERUMAHAN DAN PERSEKITARAN



INDIKATOR KAWASAN PERUMAHAN

Prasarana yang disediakan untuk kesejahteraan individu dan keluarga. Diukur melalui kebolehcapaian kepada kemudahan pengangkutan dan infrastruktur di kawasan perumahan, tahap kepuasan utiliti dan bantuan komuniti.



INDIKATOR TAHAP PENCEMARAN

Pencemaran bau dan pencemaran bunyi yang melibatkan penyelenggaraan sampah sarap, sistem perparitan dan tahap kebisingan di kawasan perumahan.



INDIKATOR AMALAN 3R

Merujuk kepada kesedaran dan pengetahuan terhadap penggunaan plastik, penggunaan semula barang dan mengitar semula barang untuk digunakan semula.



DOMAIN

KELUARGA DAN TEKNOLOGI KOMUNIKASI



INDIKATOR PENGARUH APLIKASI KOMUNIKASI

Kesan penggunaan telefon ke atas interaksi ahli keluarga.



INDIKATOR KAWALAN IBU BAPA TERHADAP PENGGUNAAN TEKNOLOGI KOMUNIKASI

Pemantauan dan penyeliaan terhadap penggunaan teknologi komunikasi anak-anak seperti SMS, WhatsApp, Wechat, Telegram dan komputer.

METODOLOGI

REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini adalah berbentuk tinjauan keratan rentas.

RANGKA PENSAMPELAN

Rangka pensampelan bagi kajian ini adalah senarai Blok Penghitungan (BP) yang telah dikemaskini melalui maklumat Tempat Kediaman (TK) semasa Banci Penduduk dan Perumahan 2010.

REKA BENTUK PENSAMPELAN DAN SAIZ SAMPEL

Pensampelan berstrata dua peringkat (peringkat pertama: strata negeri; peringkat kedua: strata bandar dan luar bandar). Pemilihan sampel kemudiannya dilakukan pada peringkat BP dengan menggunakan kaedah berkebarangkalian berkadar dengan saiz. Seterusnya, sampel TK daripada BP yang terpilih telah dipilih dengan menggunakan kaedah sistematis. Penetapan saiz sampel dan pemilihan TK terpilih telah dibantu oleh pihak Jabatan Perangkaan Malaysia bagi memastikan sampel yang terlibat adalah menggambarkan pensampelan nasional.

SKOP KAJIAN

Kajian ini dijalankan di seluruh Malaysia. Responden kajian ini terdiri daripada ibu atau bapa warganegara Malaysia yang




Instrumen IKK 2019 mengandungi 121 item yang meliputi 8 domain dan 22 indikator kesejahteraan keluarga,,

mempunyai anak berumur antara 3 hingga 24 tahun.

INSTRUMEN

Instrumen IKK 2019 mengandungi 121 item yang meliputi 8 domain dan 22 indikator kesejahteraan keluarga. Penambahbaikan instrumen IKK 2019 telah melalui penandaarasan serta sorotan literatur terhadap penyelidikan dari dalam dan luar negara selain perbincangan bersama pakar dalam bidang- bidang berkaitan. Ujian kebolehpercayaan dijalankan dan nilai Cronbach Alpha yang diperoleh adalah baik iaitu di antara 0.71- 0.94.



PENGUMPULAN DATA

Data dikumpulkan melalui kaedah temubual secara bersemuka di tempat kediaman responden dengan menggunakan *Computer Assisted Personal Interviewing (CAPI)*. Secara purata, masa yang diambil untuk menemu bual adalah antara 30 hingga 45 minit.

PENGIRAAN INDEKS

IKK 2019 menggunakan skor 10 sebagai skala maksimum di mana semakin tinggi nilai skor yang diperoleh, semakin baik tahap kesejahteraan keluarga.

FORMULA PENGIRAAN

$$\text{Skor Indikator} = \frac{M_1 - M_2}{R} \times 10$$

$$\text{Skor Domain} = \frac{\sum \text{skor indikator}}{N \text{ indikator}}$$

$$\text{Skor Indeks} = \frac{\sum \text{skor domain}}{N \text{ domain}}$$

PETUNJUK

M₁ Min/purata skor

M₂ Skala minimum

R Julat (skala maksimum - skala minimum)

N Bilangan

KATEGORI SKOR INDEKS, DOMAIN DAN INDIKATOR

Tahap kesejahteraan keluarga dikategorikan kepada tiga (3) iaitu rendah (skor 0-4), sederhana (skor 5-7) dan tinggi (skor 8-10).

SKOR INDIKATOR/ DOMAIN/INDEKS

KATEGORI

0-4	Rendah
5-7	Sederhana
8-10	Tinggi

INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA MALAYSIA 2019

PROFIL RESPONDEN

Jumlah keseluruhan responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 5,005 orang yang terdiri daripada 44.4 peratus bapa dan 55.6 peratus ibu. Sebanyak 79.5 peratus responden tinggal di bandar. Majoriti responden berumur dalam lingkungan 40-49 tahun (32.0%) dan 30-39 tahun (31.3%). Sebahagian besar jenis keluarga responden terdiri daripada keluarga asas yang terdiri daripada bapa, ibu dan anak iaitu sebanyak 75.8 peratus, diikuti 18.7 peratus keluarga luas yang terdiri daripada bapa, ibu, anak-anak dan ahli keluarga lain, 5.1 peratus keluarga ibu/bapa tunggal dan 0.4 peratus keluarga gabungan yang terdiri daripada bapa/ibu tiri dan adik-beradik tiri. Secara purata, bilangan ahli isi rumah adalah seramai 4.7 orang.

Hampir dua pertiga atau 63.8 peratus adalah responden Melayu, diikuti 19.7 peratus responden Cina, 9.6 peratus responden Bumiputera lain dan 6.5 peratus responden India. Daripada segi pendapatan isi rumah, hampir dua pertiga atau 62.5 peratus adalah responden

**Seramai
5,005** 
**orang responden berjaya
diliputi yang terdiri
daripada 44.4 peratus
bapa dan 55.6 peratus
ibu. 99**

daripada isi rumah berpendapatan RM1,001 hingga RM4,000, diikuti 25.8 peratus isi rumah berpendapatan RM4,001 hingga RM10,000. Terdapat 10.0 peratus responden daripada isi rumah berpendapatan RM1,000 dan ke bawah. Hanya sebilangan kecil iaitu 1.7 peratus responden daripada isi rumah yang berpendapatan melebihi RM10,001.

LAPORAN INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA MALAYSIA 2019

PROFIL RESPONDEN KAJIAN IKK 2019

PROFIL	BILANGAN	PERATUS
JANTINA		
Lelaki	2,221	44.4
Perempuan	2,784	55.6
UMUR		
18-29	376	7.5
30 -39	1,568	31.3
40-49	1,601	32.0
50-59	1,072	21.4
60-69	332	6.6
70 dan ke atas	56	1.1
STRATA		
Bandar	3,978	79.5
Luar Bandar	1,027	20.5
ETNIK		
Melayu	3,195	63.8
Bumiputera Lain	478	9.6
Cina	987	19.7
India	323	6.5
Lain-lain	22	0.4
PENDAPATAN ISI RUMAH		
RM1,000 dan ke bawah	498	10.0
RM1,001-RM4,000	3,128	62.5
RM4,001-RM10,000	1,292	25.8
RM10,001 dan ke atas	87	1.7
JENIS KELUARGA		
Keluarga Asas	3,795	75.8
Keluarga Luas	937	18.7
Keluarga Tunggal	255	5.1
Keluarga Gabungan	18	0.4

SKOR INDEKS, DOMAIN DAN INDIKATOR

Skor Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2019 yang dicatatkan ialah 7.72 daripada skala maksimum 10 iaitu berada pada tahap yang sederhana. Daripada lapan domain yang telah dikenal pasti, Domain Hubungan Kekeluargaan mencatatkan skor domain tertinggi iaitu 8.35 diikuti dengan Domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian (8.25), Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti (8.00), Domain Keselamatan Keluarga (7.86), Domain Ekonomi Keluarga (7.67), Domain Kesihatan Keluarga (7.44), Domain Perumahan dan Persekitaran (7.35) dan Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi (6.82).



Daripada lapan domain yang telah dikenal pasti, Domain Hubungan Kekeluargaan mencatatkan skor domain tertinggi iaitu

8.35”





DOMAIN HUBUNGAN KEKELUARGAAN

Skor keseluruhan untuk Domain Hubungan Kekeluargaan ialah 8.35. Kajian menunjukkan Indikator Perhubungan Rapat mencatatkan skor yang paling tinggi iaitu 8.50 diikuti Indikator Penglibatan Ibu Bapa (8.48), Daya Tindak Keluarga (8.45), Kefungsian Keluarga (8.41), Kualiti Masa Bersama Keluarga (8.37), Daya Tahan Keluarga (8.37) dan Imbangan Indikator Kerja - Keluarga (7.83).



DOMAIN EKONOMI KELUARGA

Analisis terhadap Domain Ekonomi Keluarga menunjukkan skor keseluruhan untuk domain ini ialah 7.67. Didapati Indikator Kesejahteraan Kewangan mencatatkan skor yang tinggi sedikit daripada Indikator Pengurusan Kewangan dengan masing-masing 7.67 dan 7.66.



DOMAIN KESIHATAN KELUARGA

Skor keseluruhan untuk Domain Kesihatan Keluarga ialah 7.44. Didapati Indikator Amalan Kesihatan Keluarga mencatatkan skor yang lebih tinggi daripada Indikator Kesihatan Umum dengan masing-masing 7.77 dan 7.11.



DOMAIN KESELAMATAN KELUARGA

Domain Keselamatan Keluarga mencatat skor keseluruhan sebanyak 7.86. Didapati Indikator Keselamatan Keluarga mencatatkan skor tertinggi iaitu 8.32 berbanding Indikator Pengetahuan Kecemasan 7.40.



DOMAIN KELUARGA DAN KETERLIBATAN KOMUNITI

Analisis menunjukkan bahawa skor keseluruhan untuk Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti ialah 8.00. Indikator Hubungan Dalam Komuniti (8.25) mencatatkan skor yang lebih tinggi daripada Indikator Kerjasama Dalam Komuniti (7.75).



DOMAIN KELUARGA, PERANAN AGAMA DAN AMALAN KEROHANIAN

Skor keseluruhan untuk Domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian ialah 8.25. Analisis mendapati Indikator Peranan Agama mencatatkan skor yang jauh lebih tinggi daripada Indikator Amalan Kerohanian dengan masing-masing 8.58 dan 7.92.



DOMAIN PERUMAHAN DAN PERSEKITARAN

Domain Perumahan dan Persekutaran mencatatkan skor keseluruhan sebanyak 7.35. Indikator Amalan 3R mencatatkan skor yang paling rendah iaitu 6.92 diikuti Indikator Kawasan Perumahan (7.46) dan Tahap Pencemaran (7.67).



DOMAIN KELUARGA DAN TEKNOLOGI KOMUNIKASI

Skor keseluruhan untuk Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi ialah 6.82. Indikator Kawalan Ibu Bapa Terhadap Teknologi Komunikasi mencatatkan skor yang lebih tinggi daripada Indikator Pengaruh Aplikasi Komunikasi dengan masing-masing 7.47 dan 6.17.

LAPORAN INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA MALAYSIA 2019

SKOR INDIKATOR KESEJAHTERAAN KELUARGA 2019


INDIKATOR	NILAI SKOR
DOMAIN HUBUNGAN KEKELUARGAAN	
Penglibatan Ibu Bapa	8.48
Kualiti Masa Bersama Keluarga	8.37
Imbangan Kerja-Keluarga	7.83
Perhubungan Rapat	8.50
Kefungsian Keluarga	8.41
Daya Tindak Keluarga	8.45
Daya Tahan Keluarga	8.37
DOMAIN EKONOMI KELUARGA	
Kesejahteraan Kewangan	7.67
Pengurusan Kewangan	7.66
DOMAIN KESIHATAN KELUARGA	
Amalan Kesihatan Keluarga	7.77
Kesihatan Umum	7.11
DOMAIN KESELAMATAN KELUARGA	
Keselamatan Keluarga	8.32
Pengetahuan Kecemasan	7.40
DOMAIN KELUARGA DAN KETERLIBATAN KOMUNITI	
Kerjasama Dalam Komuniti	7.75
Hubungan Dalam Komuniti	8.25
DOMAIN KELUARGA, PERANAN AGAMA DAN AMALAN KEROHANIAN	
Peranan Agama	8.58
Amalan Kerohanian	7.92
DOMAIN PERUMAHAN DAN PERSEKITARAN	
Kawasan Perumahan	7.46
Tahap Pencemaran	7.67
Amalan 3R	6.92
DOMAIN KELUARGA DAN TEKNOLOGI KOMUNIKASI	
Pengaruh Aplikasi Komunikasi	6.17
Kawalan Ibu Bapa Terhadap Penggunaan Teknologi Komunikasi	7.47

SKOR INDEKS, DOMAIN DAN INDIKATOR MENGIKUT CIRI-CIRI DEMOGRAFI

Analisis mengikut ciri-ciri demografi responden dijalankan untuk melihat skor IKK 2019 mengikut strata, etnik, pendapatan, dan jenis keluarga.

Perbandingan mengikut strata mendapati keluarga di luar bandar mempunyai skor yang lebih tinggi iaitu 7.81 berbanding keluarga di bandar (7.69).

SKOR DOMAIN DAN IKK 2019 MENGIKUT STRATA



LAPORAN INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA MALAYSIA 2019

SKOR INDIKATOR KESEJAHTERAAN KELUARGA MENGIKUT STRATA

INDIKATOR	BANDAR	LUAR BANDAR
DOMAIN HUBUNGAN KEKELUARGAAN		
Penglibatan Ibu Bapa	8.48	8.46
Kualiti Masa Bersama Keluarga	8.38	8.35
Imbangan Kerja-Keluarga	7.79	8.01
Perhubungan Rapat	8.50	8.51
Kefungsian Keluarga	8.41	8.43
Daya Tindak Keluarga	8.45	8.47
Daya Tahan Keluarga	8.37	8.38
DOMAIN EKONOMI KELUARGA		
Kesejahteraan Kewangan	7.68	7.62
Pengurusan Kewangan	7.68	7.60
DOMAIN KESIHATAN KELUARGA		
Amalan Kesihatan Keluarga	7.74	7.91
Kesihatan Umum	7.13	7.07
DOMAIN KESELAMATAN KELUARGA		
Keselamatan Keluarga	8.30	8.41
Pengetahuan Kecemasan	7.42	7.33
DOMAIN KELUARGA DAN KETERLIBATAN KOMUNITI		
Kerjasama Dalam Komuniti	7.67	8.09
Hubungan Dalam Komuniti	8.18	8.50
DOMAIN KELUARGA, PERANAN AGAMA DAN AMALAN KEROHANIAN		
Peranan Agama	8.50	8.89
Amalan Kerohanian	7.81	8.35
DOMAIN PERUMAHAN DAN PERSEKITARAN		
Kawasan Perumahan	7.52	7.21
Tahap Pencemaran	7.62	7.86
Amalan 3R	7.03	6.51
DOMAIN KELUARGA DAN TEKNOLOGI KOMUNIKASI		
Pengaruh Aplikasi Komunikasi	6.10	6.40
Kawalan Ibu Bapa Terhadap Penggunaan Teknologi Komunikasi	7.43	7.64

LAPORAN INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA MALAYSIA 2019

Bagi skor mengikut etnik, etnik Melayu mencatatkan skor tertinggi iaitu 7.87, diikuti India (7.55), Bumiputera Lain (7.52), lain-lain (7.45) dan Cina (7.44).

SKOR DOMAIN DAN IKK 2019 MENGIKUT ETNIK

DOMAIN HUBUNGAN KEKELUARGAAN	MELAYU 8.44	BUMI. LAIN 8.21	CINA 8.17	INDIA 8.28	LAIN-LAIN 8.55
DOMAIN EKONOMI KELUARGA	MELAYU 7.69	BUMI. LAIN 7.52	CINA 7.79	INDIA 7.33	LAIN-LAIN 7.30
DOMAIN KESIHATAN KELUARGA	MELAYU 7.56	BUMI. LAIN 7.15	CINA 7.30	INDIA 7.33	LAIN-LAIN 7.26
DOMAIN KESELAMATAN KELUARGA	MELAYU 7.94	BUMI. LAIN 7.73	CINA 7.76	INDIA 7.67	LAIN-LAIN 7.80
DOMAIN KELUARGA DAN KETERLIBATAN KOMUNITI	MELAYU 8.25	BUMI. LAIN 7.90	CINA 7.49	INDIA 7.68	LAIN-LAIN 7.94
DOMAIN KELUARGA, PERANAN AGAMA DAN AMALAN KEROHANIAN	MELAYU 8.71	BUMI. LAIN 7.98	CINA 7.15	INDIA 8.26	LAIN-LAIN 7.81
DOMAIN PERUMAHAN DAN PERSEKITARAN	MELAYU 7.45	BUMI. LAIN 6.95	CINA 7.23	INDIA 7.45	LAIN-LAIN 6.91
DOMAIN KELUARGA DAN TEKNOLOGI KOMUNIKASI	MELAYU 6.95	BUMI. LAIN 6.73	CINA 6.66	INDIA 6.44	LAIN-LAIN 6.06
IKK 2019	MELAYU 7.87	BUMI. LAIN 7.52	CINA 7.44	INDIA 7.55	LAIN-LAIN 7.45

LAPORAN INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA MALAYSIA 2019

SKOR INDIKATOR KESEJAHTERAAN KELUARGA MENGIKUT ETNIK

INDIKATOR	MELAYU	BUMI. LAIN	CINA	INDIA	LAIN- LAIN
DOMAIN HUBUNGAN KEKELUARGAAN					
Penglibatan Ibu Bapa	8.58	8.36	8.29	8.42	8.41
Kualiti Masa Bersama Keluarga	8.45	8.22	8.23	8.35	8.73
Imbangan Kerja-Keluarga	7.95	7.79	7.62	7.63	7.92
Perhubungan Rapat	8.61	8.28	8.34	8.39	8.91
Kefungsian Keluarga	8.50	8.28	8.25	8.36	8.36
Daya Tindak Keluarga	8.53	8.32	8.30	8.43	8.68
Daya Tahan Keluarga	8.46	8.22	8.19	8.37	8.84
DOMAIN EKONOMI KELUARGA					
Kesejahteraan Kewangan	7.71	7.37	7.79	7.36	7.32
Pengurusan Kewangan	7.66	7.68	7.79	7.30	7.27
DOMAIN KESIHATAN KELUARGA					
Amalan Kesihatan Keluarga	7.87	7.65	7.60	7.71	6.64
Kesihatan Umum	7.24	6.65	7.01	6.94	7.88
DOMAIN KESELAMATAN KELUARGA					
Keselamatan Keluarga	8.39	8.20	8.26	8.05	8.70
Pengetahuan Kecemasan	7.49	7.27	7.27	7.29	6.91
DOMAIN KELUARGA DAN KETERLIBATAN KOMUNITI					
Kerjasama Dalam Komuniti	8.05	7.71	7.15	7.33	7.22
Hubungan Dalam Komuniti	8.46	8.10	7.82	8.02	8.66
DOMAIN KELUARGA, PERANAN AGAMA DAN AMALAN KEROHANIAN					
Peranan Agama	8.93	8.32	7.82	8.43	8.64
Amalan Kerohanian	8.49	7.63	6.48	8.09	6.97
DOMAIN PERUMAHAN DAN PERSEKITARAN					
Kawasan Perumahan	7.61	6.90	7.25	7.55	7.39
Tahap Pencemaran	7.80	7.39	7.39	7.76	7.21
Amalan 3R	6.92	6.54	7.04	7.04	6.12
DOMAIN KELUARGA DAN TEKNOLOGI KOMUNIKASI					
Pengaruh Aplikasi Komunikasi	6.29	6.07	6.00	5.86	5.30
Kawalan Ibu Bapa Terhadap Penggunaan Teknologi Komunikasi	7.61	7.40	7.32	7.02	6.83

LAPORAN INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA MALAYSIA 2019

Dari segi jenis keluarga pula, keluarga asas dan keluarga gabungan mencatatkan skor tertinggi iaitu masing-masing 7.78. ini diikuti dengan keluarga luas (7.58) dan keluarga tunggal (7.34).

SKOR DOMAIN DAN IKK 2019 MENGIKUT JENIS KELUARGA



LAPORAN INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA MALAYSIA 2019

SKOR INDIKATOR KESEJAHTERAAN KELUARGA MENGIKUT JENIS KELUARGA

INDIKATOR	KELUARGA ASAS	KELUARGA LUAS	KELUARGA TUNGGAL	KELUARGA GABUNGAN
DOMAIN HUBUNGAN KEKELUARGAAN				
Penglibatan Ibu Bapa	8.50	8.47	8.19	8.83
Kualiti Masa Bersama Keluarga	8.41	8.35	7.93	8.00
Imbangan Kerja-Keluarga	7.89	7.73	7.35	8.08
Perhubungan Rapat	8.61	8.41	7.38	8.63
Kefungsian Keluarga	8.45	8.37	8.07	8.28
Daya Tindak Keluarga	8.48	8.45	8.09	8.47
Daya Tahan Keluarga	8.41	8.35	8.00	8.44
DOMAIN EKONOMI KELUARGA				
Kesejahteraan Kewangan	7.72	7.57	7.25	7.84
Pengurusan Kewangan	7.73	7.55	7.20	7.41
DOMAIN KESIHATAN KELUARGA				
Amalan Kesihatan Keluarga	7.83	7.68	7.33	7.75
Kesihatan Umum	7.24	6.77	6.56	7.32
DOMAIN KESELAMATAN KELUARGA				
Keselamatan Keluarga	8.36	8.27	7.95	8.32
Pengetahuan Kecemasan	7.51	7.14	6.82	7.50
DOMAIN KELUARGA DAN KETERLIBATAN KOMUNITI				
Kerjasama Dalam Komuniti	7.83	7.60	7.29	7.63
Hubungan Dalam Komuniti	8.28	8.20	7.98	8.42
DOMAIN KELUARGA, PERANAN AGAMA DAN AMALAN KEROHANIAN				
Peranan Agama	8.61	8.51	8.47	8.95
Amalan Kerohanian	7.99	7.66	7.80	8.15
DOMAIN PERUMAHAN DAN PERSEKITARAN				
Kawasan Perumahan	7.53	7.22	7.22	8.09
Tahap Pencemaran	7.70	7.55	7.60	7.40
Amalan 3R	7.00	6.70	6.55	6.93
DOMAIN KELUARGA DAN TEKNOLOGI KOMUNIKASI				
Pengaruh Aplikasi Komunikasi	6.20	6.12	5.84	6.46
Kawalan Ibu Bapa Terhadap Penggunaan Teknologi Komunikasi	7.56	7.29	6.93	7.01

LAPORAN INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA MALAYSIA 2019

Didapati bahawa skor IKK 2019 semakin meningkat sejajar dengan meningkatnya kumpulan pendapatan. Keluarga yang berpendapatan isi rumah RM1,000 dan ke bawah mempunyai skor terendah iaitu 7.35,

diikuti oleh isi rumah berpendapatan RM1,001-RM4,000 (7.71), RM4,001-RM10,000 (7.85) dan isi rumah berpendapatan RM10,001 dan ke atas mencatatkan skor tertinggi iaitu 8.02.

SKOR DOMAIN DAN IKK 2019 MENGIKUT PENDAPATAN ISI RUMAH




LAPORAN INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA MALAYSIA 2019

SKOR INDIKATOR KESEJAHTERAAN KELUARGA MENGIKUT PENDAPATAN ISI RUMAH

INDIKATOR	RM1,000 & KE BAWAH	RM1,001-RM4,000	RM4,001-10,000	RM10,001 & KE ATAS
DOMAIN HUBUNGAN KEKELUARGAAN				
Penglibatan Ibu Bapa	8.20	8.47	8.60	8.58
Kualiti Masa Bersama Keluarga	7.92	8.37	8.53	8.51
Imbangan Kerja-Keluarga	7.63	7.87	7.83	7.82
Perhubungan Rapat	8.10	8.51	8.61	8.81
Kefungsian Keluarga	8.15	8.41	8.51	8.51
Daya Tindak Keluarga	8.21	8.46	8.52	8.58
Daya Tahan Keluarga	8.16	8.39	8.40	8.53
DOMAIN EKONOMI KELUARGA				
Kesejahteraan Kewangan	6.95	7.62	8.01	8.52
Pengurusan Kewangan	6.91	7.59	8.07	8.47
DOMAIN KESIHATAN KELUARGA				
Amalan Kesihatan Keluarga	7.43	7.73	7.99	8.23
Kesihatan Umum	6.35	7.10	7.39	7.72
DOMAIN KESELAMATAN KELUARGA				
Keselamatan Keluarga	8.13	8.29	8.44	8.52
Pengetahuan Kecemasan	6.81	7.40	7.60	7.78
DOMAIN KELUARGA DAN KETERLIBATAN KOMUNITI				
Kerjasama Dalam Komuniti	7.61	7.75	7.80	7.81
Hubungan Dalam Komuniti	8.18	8.27	8.23	8.11
DOMAIN KELUARGA, PERANAN AGAMA DAN AMALAN KEROHANIAN				
Peranan Agama	8.59	8.58	8.56	8.65
Amalan Kerohanian	7.98	7.95	7.80	8.27
DOMAIN PERUMAHAN DAN PERSEKITARAN				
Kawasan Perumahan	6.80	7.48	7.61	7.86
Tahap Pencemaran	7.48	7.67	7.73	7.68
Amalan 3R	6.12	6.91	7.20	7.41
DOMAIN KELUARGA DAN TEKNOLOGI KOMUNIKASI				
Pengaruh Aplikasi Komunikasi	6.05	6.12	6.33	6.27
Kawalan Ibu Bapa Terhadap Penggunaan Teknologi Komunikasi	6.99	7.50	7.58	7.67

SKOR IKK 2019 MENGIKUT NEGERI JOHOR




**INDEKS
KESEJAHTERAAN
KELUARGA
MALAYSIA 2019**



Skor Indeks Kesejahteraan Keluarga bagi **Negeri Johor** ialah

7.85

daripada skor maksimum 10 iaitu berada pada tahap yang sederhana.



KEDAH




**INDEKS
KESEJAHTERAAN
KELUARGA
MALAYSIA 2019**



Skor Indeks Kesejahteraan Keluarga bagi **Negeri Kedah** ialah

7.79

daripada skor maksimum 10 iaitu berada pada tahap yang sederhana.



KELANTAN



**INDEKS
KESEJAHTERAAN
KELUARGA
MALAYSIA 2019**




Skor Indeks Kesejahteraan Keluarga bagi **Negeri Kelantan** ialah

7.43

daripada skor maksimum 10 iaitu berada pada tahap yang sederhana.

			
DOMAIN KELUARGA DAN KETERLIBATAN KOMUNITI	DOMAIN KELUARGA, PERANAN AGAMA DAN AMALAN KEROHANIAN	DOMAIN PERUMAHAN DAN PERSEKITARAN	DOMAIN KELUARGA DAN TEKNOLOGI KOMUNIKASI
